

24/09/2003

Malaysia mahu firma Sweden perluas kerjasama

Manja Ismail

STOCKHOLM: Malaysia, yang amat menghargai pelaburan Sweden, mahu lebih banyak syarikat negara itu berbuat demikian dan mempelbagaikan kegiatan, terutama dalam bidang bioteknologi dan teknologi maklumat (IT), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari di sini berkata, Malaysia mengikuti dengan penuh minat kejayaan Sweden dalam bidang sains dan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan percaya peluang kerjasama antara kedua-dua negara di bidang itu amat luas.

Sweden, dengan penduduknya 8.8 juta orang, adalah antara negara Eropah paling berjaya. Walaupun jumlah rakyatnya kecil, kejayaannya dalam beberapa bidang seperti IT, bioteknologi, muzik dan sukan, mendapat pengiktirafan dunia.

"Malaysia boleh menjadi tapak bagi Sweden memperluaskan kegiatan dan pasaran di Asean dan rantau Asia Pasifik. Kami mempunyai rekod yang baik sebagai pusat pengilangan dan eksport untuk pasaran dunia.

"Kami percaya pasaran Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), dengan jumlah 500 juta penduduk dan pendapatan perkapita AS\$546 bilion menawarkan peluang keuntungan kepada syarikat Sweden," katanya ketika berucap pada jamuan tengah hari oleh rakan sejawatnya di sini, Goran Persson semalam.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang tiba dari London malam kelmarin, mempunyai atur cara lawatan yang padat sehari suntuk semalam. Sebelum mesyuarat delegasi selepas jamuan tengah hari, beliau dan rombongan melawat Karolinska Institutet, pusat penyelidikan perubatan dan bioteknologi terkemuka Sweden.

Turut menyertai lawatan rasmi ke Sweden kali ini, yang kedua oleh Dr Mahathir ialah enam menteri Kabinet iaitu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Menteri Perpaduan dan Pembangunan Sosial, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohd Nazri Aziz.

Perdana Menteri mempelawa syarikat negara ini mengimport lebih banyak barangan dari Malaysia bagi memperbaiki imbalan perdagangan kedua-dua negara yang kini banyak berpihak kepada Sweden.

"Satu lagi bidang kerjasama yang boleh diterokai bersama ialah pelancongan kerana hubungan langsung antara rakyat melalui sektor ini penting dalam memupuk pemahaman sesama mereka. Malaysia terus menjadi destinasi pelancongan yang popular di kalangan pelancong Sweden.

"Pelancong tidak perlu bimbang dengan beberapa kejadian negatif di Asia Tenggara dan kami memberi jaminan bahawa Malaysia selamat bagi pelancongnya," katanya.

Di peringkat antarabangsa, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara banyak berkongsi pandangan dan Kuala Lumpur menghargai peranan Stockholm dalam usaha mencapai keamanan dan kestabilan antarabangsa.

Malaysia mengalu-alukan sumbangan Sweden kepada Pusat Anti Keganasan Bagi Rantau Asia Tenggara yang ditubuhkan di Kuala Lumpur baru-baru ini dalam menyediakan latihan membabitkan kegiatan membendung keganasan.

Sementara itu, petang semalam, rombongan Perdana Menteri melawat Kompleks Ericsson, pengeluar telefon bimbit terkemuka dunia. Dalam lawatan lebih dua jam itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Ericsson, Carl-Henric Svanberg turut memperkenalkan tiga rakyat Malaysia yang bekerja dengan syarikat itu di sini iaitu Cathy Tang (Pengurus Projek), Johnny Ong (Ujian Sokongan) dan Vicknesan Aiadurai (Pembangunan).

Dr Mahathir turut menghadap dan mengadakan pertemuan peribadi dengan King Carl XVI Gustaf di Istana Diraja sebelum menyaksikan demonstrasi bot

ronda prototaip IC 15 di Dorckstavarvet.

Di Grand Hotel, tempat penginapannya selepas itu, Perdana Menteri menerima kunjungan beberapa tokoh industri Sweden iaitu Presiden dan CEO Saab AB, Ake Svensson; Presiden ABB AB, Sten Jakobsson; Presiden Bofors Defence AB, Magnus Ingesson; dan Presiden/CEO Investor AB, Marcus Wallenberg.